

1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2016  
2 ½ jam



**MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5  
TAHUN 2016  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA ( KEDAH )**

---

**MODUL 1  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada guru yang bertugas.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah ]

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

**Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca remaja terlibat dengan budaya hedonisme dan langkah-langkah kerajaan membendungnya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Budaya hidup dalam keseronokan atau dikenali sebagai *hedonisme* merupakan amalan hidup masyarakat Barat. Gaya hidup bebas tanpa batasan ini telah menyebabkan institusi keluarga di Barat menjadi rapuh dan musnah. Di Malaysia, budaya hedonisme ini telah meresap dalam sanubari golongan remaja yang menyebabkan mereka lebih mementingkan diri sendiri dan bersikap materialistik. Penyerapan budaya ini berlaku kerana kekurangan nilai dan pengamalan agama dalam kalangan remaja.

Budaya hedonisme ini jika tidak dibendung akan membabitkan masalah yang lebih besar seperti jenayah rogol, pembuangan bayi dan seks bebas. Remaja terjebak dalam budaya keseronokan ini kerana mereka terpengaruh dengan budaya Barat. Tanpa pemikiran yang matang, mereka mudah menerima budaya hidup Barat yang cenderung ke arah keseronokan dan hiburan. Masalah ini menjadi semakin rumit apabila pihak media massa sering menyiarkan rancangan hiburan Barat yang mengasyikkan sehingga melekkakan golongan remaja.

Selain itu, remaja terlibat dalam budaya keseronokan ini kerana kurangnya maklumat hedonisme yang diterima oleh mereka. Remaja mendapat maklumat tentang budaya tersebut melalui media sosial. Tanpa merujuk dan berbincang dengan ibu bapa, mereka menerima budaya tersebut semata-mata hendak berseronok. Di samping itu, kebanyakan remaja merujuk rakan sebaya tentang persoalan hubungan sosial yang telah mendapat maklumat daripada sumber yang salah seperti Internet. Dalam hal ini, remaja seharusnya menitikberatkan hubungan sosial yang betul dan memahami kehendak agama.

Tidak dinafikan kebanyakan remaja yang terlibat dalam budaya ini menghadapi tekanan dalam kehidupan mereka. Pengaruh hedonisme ini jika tidak disekat akan menjadikan remaja hidup secara sendiri-sendiri dan tidak kisah tentang hal orang lain. Remaja juga kurang kefahaman tentang keburukan amalan hedonisme. Pengetahuan yang cetek akibat kurang membaca menyebabkan remaja tidak mampu menilai kesan buruk budaya tersebut terhadap diri sendiri. Lebih memburukkan keadaan apabila sikap prihatin masyarakat semakin luntur. Masyarakat hari ini lebih mementingkan ahli keluarga sendiri tanpa mempedulikan permasalahan yang wujud dalam komuniti mereka.

Lantaran itu, ibu bapa haruslah memahami perkembangan jiwa anak-anak remaja dan *mengukuhkan jiwa* anak-anak dengan didikan agama yang mantap sejak mereka kecil. Pada masa yang sama, ibu bapa perlu mengukuhkan ikatan kekeluargaan dengan curahan kasih sayang. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan agama, akal, hati dan jiwa bagi mengelakkan budaya hedonisme daripada mengawal diri anak-anak.

Dipetik dan diubahsuai daripada  
'Hedonisme: Mengapa Terus Hantui Remaja'  
oleh Dr. Aminudin bin Mansor,  
*Fokus SPM*, Julai 2014

**Soalan 2: Pemahaman**

[ 35 markah ]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Jelaskan maksud rangkai kata *mengukuhkan jiwa* berdasarkan petikan. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan beberapa kesan budaya hedonisme terhadap remaja.

Nyatakan kesan-kesan tersebut.

[3 markah]

(iii) Remaja kini mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme.

Pada pendapat anda, bagaimanakah remaja boleh mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya tersebut? [4 markah]

2(b) - **Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Tapi dia degil. Hatinya seteguh karang di lautan, sekeras sinar suria berkedudukan 90 darjah tepat.

Babah dan ibu marah. Dendam yang bertakung sekian lama di dalam tasik hati mencair dalam detik momen yang singkat. Aiman dirotan. Ibu mengemukakan bantahan dan protes dalam hati.

Sepanjang minggu, murid bernama Aiman Aqil itu ponteng kelas; protes kepada lebam-lebam di pinggul. Keriangan sudah tercantas, tapi masalah belum terurai dan terungkai.

Spontan, dia mengambil kesempatan itu untuk mewujudkan suasana halusinasi futuristik yang penuh cabaran, disaluti persaingan kompetitif yang menyengat hebat.

Betapa tidak; dia membayangkan dirinya sudah lulus pengajian tinggi, dapat ijazah pertama dalam bidang aeroangkasa. Takah usia dianjakkan lebih sedekad ke hadapan. Sebatang pohon nyiur dara di penjuru banglonya, sudah sekian lama menjadi idamannya.

Pijakan kakinya di bumi sudah utuh dan kukuh. Cengkaman pada batang pokok kelapa itu turut tersentuh. Dia tidak menoleh ke bawah lagi. Tapak demi tapak tercengkam dengan penuh yakin. Sedar-sedar sahaja, dia sudah sampai di puncak.

Dipetik daripada cerpen 'Hipertensi'  
oleh Illias Zaidi  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Sasbadi

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah perkara-perkara yang dibayangkan oleh Aiman Aqil? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda,apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah bagi menangani masalah ponteng? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** Persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [ 4markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi. Maka sembah Laksamana, “*Pada firasat patik*, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Maka titah baginda, “Segeraldah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.” Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *pada firasat patik*? [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan Laksamana untuk menghalang Kertala Sari daripada memasuki istana? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan wujudnya keamanan di dalam negara? [3 markah]

## Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SEJADAH RINDU**

Terkedu aku  
disejadah rindu  
mengungkap kalimah syahdu  
bait bicara tersentuh kalbu  
merekah keinsafan di hati yang beku  
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan  
Kupohon kembali nafas kehidupan  
Dalam keterhadan dan keterbatasan insan  
moga terbuka ruang keampunan  
sebelum saat aku dinisankan  
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi  
Keikhlasan menjadi bukti  
akhirnya  
aku sujud menghadap Ilahi  
dikeheningan yang sepi  
lafaz taubat mengiringi  
nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh  
jiwa yang kaku tersentuh  
ayat-ayat cinta disusun kukuh  
disejadah rindu yang lusuh  
kemaafan yang kupohon sungguh  
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa  
izinkan aku menjadi manusia  
yang taat sentiasa  
pada perintah Maha Kuasa  
agar aku tidak lupa  
dunia ini hanya bersifat sementara.

MOHD. HAIKAL AMINUDDIN  
*Kalam Pertama*, 2013  
*Antologi Sejadah Rindu*  
Sasbadi

- (i) Nyatakan **dua** perkara yang dilakukan oleh penyajak di atas sejadah berdasarkan rangkap pertama . [2markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan positif apabila seseorang itu menginsafi kesalahan yang telah dilakukan? [3markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak . [4markah ]

## Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- |                 |                |
|-----------------|----------------|
| (i) menatang    | (iv) menuntun  |
| (ii) menjinjing | (v) mengheret  |
| (iii) mengandar | (vi) menyorong |

[6 markah]

- (b) Tukarkan dialog di bawah ini kepada cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.

Khatijah : Yati, mengapa awak tak datang ke sekolah kelmarin?

Norhayati : Maaflah. Saya ada hal di rumah.

Khatijah : Apa halnya? Ceritakanlah kepada saya. Andainya susah, sama-samalah kita tanggung.

Norhayati : Sebenarnya ibu saya sakit. Dah seminggu terlantar di hospital.

Khatijah : Oh, begitu! Semoga ibu awak cepat sembuh.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Kuih muih yang dihidangkan di atas meja itu adalah untuk tetamu berhormat sahaja.

(ii) Kita perlu menggembeleng tenaga untuk membantu kerajaan menghadkan kemasukan barangan import supaya ekonomi negara meningkat.

(iii) Perdana Menteri telah menitipkan ucapan balasungkawa kepada keluarga mangsa tanah runtuh yang hilang ahli keluarga mereka.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kejayaan atlet itu yang dimasyhurkan sebagai atlet wanita terbaik telah disambut gembira daripada peminatnya.
- (ii) Ibu telah membelikan saya baju baharu di Hasani Pasar Raya kerana Hari Raya Aidilfitri akan menjelma tidak lama lagi.
- (iii) Majlis jamuan diraja telah berlangsung selama dua setengah jam di Istana Anak Bukit bersempena ulang tahun keputeraan Sultan Kedah.

[6 markah]

(e) *Tulis ayat berdasarkan setiap simpulan bahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

- (i) tulang belakang.
- (ii) anak buah
- (iii) mencari jalan.

[6 markah]

**Soalan4 : Novel**

[ 15markah ]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
  - ii) Di Sebalik Dinara oleh Dayang Noor
  - iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Mat Darin
  - iv) Pantai Kasih Karya Azmah Nordin
  - v) Tirani Karya Beb Sabariah
  - vi) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
  - vii) Bima sakti Menari karya Sri Rahayu Mohd
  - viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah buah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut. [ 7markah ]
- (b) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang mengandungi unsur saspens terdapat dalam setiap novel tersebut.  
[ 8markah ]

**KERTAS MODUL TAMAT**